



## **LEMBAGA GETAH MALAYSIA** **KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah yang masih dibenarkan membuat sebutharga bagi perkhidmatan dan bekalan berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
LGM/SH/SPKT/34/2018	<b>PAJAKAN KAWASAN POKOK GETAH TUA DI FIELD 119,121 DAN 122 SELUAS 40 HEKTAR DI BAHAGIAN PELEPAH LGM STESEN PENYELIDIKAN KOTA TINGGI, JOHOR</b>	Kod bidang yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF):  <b>221104</b>  <b>ATAU</b>  <b>222104</b>	Tarikh Taklimat : <b>06 September 2018</b>  <b>LGM/SH/SPKT/34/2018:</b> Masa : <b>09.00 pagi</b>  <b>LGM/SH/SPKT/35/2018:</b> Masa : <b>11.00 pagi</b>  Tarikh Jualan : <b>06 September 2018 (selepas taklimat) – 13 September 2018</b>
LGM/SH/SPKT/35/2018	<b>KERJA-KERJA TOREHAN SEKERAP/ LATEKS SECARA KONTRAK SELUAS 80 HA DI BAHAGIAN PELEPAH, STESEN PENYELIDIKAN KOTA TINGGI BAGI TAHUN 2018</b>		Masa : <b>9.00 pagi – 4.30 petang</b>  Tempat Taklimat:  Pejabat LGM, Bahagian Pelepah, Jalan Lombong, 81900 Kota Tinggi, Johor.  Tempat Jualan :  Pejabat LGM Bahagian Permatang, Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi, Bt 3 ½, Jalan Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor.

LGM/SH/ SPKT/36/ 2018	<b>KERJA-KERJA TOREHAN LATEKS/ SEKERAP SECARA KONTRAK DI BAHAGIAN PENAWAR SELUAS 88 HA DI STESEN PENYELIDIKAN KOTA TINGGI BAG1 TAHUN 2018</b>	Kod bidang yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF):  <b>221104</b>  <b>ATAU</b>  <b>222104</b>	Tarikh Taklimat : <b>06 September 2018</b>  <b>LGM/SH/SPKT/36/2018:</b> Masa : <b>2.30 petang</b>  Tarikh Jualan : <b>06 September 2018 (selepas taklimat) – 13 September 2018</b>  Masa : <b>9.00 pagi – 4.30 petang</b>  Tempat Taklimat:  Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi, Bahagian Penawar, Lembaga Getah Malaysia, Jalan Tanjung Balau, 81930 Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor.  Tempat Jualan :  Pejabat LGM Bahagian Permatang, Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi, Bt 3 ½, Jalan Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor.
<b>Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN</b>			

**Hanya penama yang tercatat di dalam sijil-sijil asal MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat atau lawatan tapak.** Syarikat-syarikat tidak boleh mewakili kakitangan selain dari penama yang tercatat pada sijil. Syarikat-syarikat diwajibkan membawa bersama sijil pendaftaran MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) (asal/salinan yang diperakui sah) dan salinan sijil pendaftaran GST (jika berdaftar) semasa taklimat atau lawatan tapak.

Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah untuk setiap dokumen sebutharga. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan **sebelum atau pada 18 September 2018 jam 12.00 tengahari.**

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)**  
**No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.**

**(Peti No. 1 & 2)**

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutharga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

29/8/2018- laman web